



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Director General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8

Level 8, Block E8

KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

Government Complex Parcel E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2 Jld. 5 (3)

Tarikh: 29 Mac 2018

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2018**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DASAR MURID MEMBAWA PERANTI PERIBADI
KE SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

TUJUAN

1. Surat pekeliling ikhtisas ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan pelaksanaan Dasar Murid Membawa Peranti Peribadi ke Sekolah di sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

LATAR BELAKANG

2. Pembelajaran dan kemahiran abad ke-21 menjadi fokus utama pendidikan pada masa kini di seluruh dunia. Peranti menjadi alat utama bagi memperkembangkan pembelajaran interaktif berdasarkan teknologi maklumat, penyelesaian masalah secara kreatif, pencarian maklumat dan pembinaan rangkaian dan jaringan.

3. Pelaksanaan *Virtual Learning Environment* (VLE) sebagai platform pembelajaran interaktif berdasarkan laman sesawang memerlukan guru dan murid menggunakan peranti dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah.

4. Pelaksanaan Dasar Murid Membawa Peranti Peribadi ke Sekolah selaras dengan Anjakan 7: Memanfaatkan ICT bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025. Langkah ini bertujuan untuk memastikan pembelajaran murid yang lebih berkesan berdasarkan e-pembelajaran. PdP yang berdasarkan e-pembelajaran ini dapat merangsang pemikiran kreatif dan inovatif dalam persekitaran pembelajaran interaktif dalam kalangan murid.
5. Matlamat utama Dasar Murid Membawa Peranti Peribadi ke Sekolah KPM adalah untuk memberi maklumat tentang murid membawa peranti peribadi ke sekolah bagi tujuan pembelajaran dan aktiviti lain yang menyokong pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum di sekolah.
6. Pelaksanaan dasar ini telah diluluskan dalam mesyuarat seperti yang berikut:
 - 6.1. Mesyuarat Profesional KPM Bilangan 17/2017 bertarikh 18 Mei 2017;
 - 6.2. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPM Bilangan 21/2017 bertarikh 5 Julai 2017; dan
 - 6.3. Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bilangan 13/2017 bertarikh 1 Ogos 2017.

PELAKSANAAN

7. Garis panduan yang disertakan bersama-sama surat pekeliling ikhtisas ini menjelaskan peranti peribadi yang dibenarkan, tatacara pendaftaran, penggunaan, pengurusan, kawalan dan peranan serta tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah, Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG), ibu bapa/penjaga dan murid.
8. Pengetua/Guru Besar hendaklah memastikan agar penetapan murid untuk membawa peranti peribadi ke sekolah dibuat atas prinsip kesesuaian dan keperluan untuk menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta kokurikulum di sekolah.
9. Pengetua/Guru Besar juga hendaklah memastikan bahawa guru membuat perancangan yang teliti berhubung penggunaan peranti peribadi dalam aktiviti PdP dan kokurikulum di sekolah di samping mengawal selia penggunaan peranti peribadi seperti yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini.

10. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah memastikan agar **Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Murid Membawa Peranti Peribadi ke Sekolah KPM** dirujuk dan dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat supaya dasar ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

TARIKH KUAT KUASA

11. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

12. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK DR. AMIN BIN SENIN)

Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.:

1. Menteri Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Menteri Pendidikan I
3. Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
8. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
9. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
DASAR MURID MEMBAWA PERANTI
PERIBADI KE SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1.0 PENGENALAN

- 1.1. Pada masa ini, perkembangan pendidikan bergerak seiring dengan kemajuan dan dinamika teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Malaysia juga mengambil pendekatan yang sama bagi menyokong gagasan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan konsep e-pembelajaran.
- 1.2. Menyedari hakikat tersebut, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menetapkan satu inisiatif bagi memastikan peningkatan pembelajaran murid melalui penggunaan TMK di bawah Anjakan 7: Memanfaatkan ICT bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia.

2.0 TUJUAN

- 2.1. Garis panduan ini bertujuan untuk memperjelas dan memperincikan pelaksanaan Dasar Murid Membawa Peranti Peribadi ke Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

3.0 DEFINISI

- 3.1. Peranti:

Kamus Dewan (2007) mendefinisikan peranti sebagai alat, perkakas atau pesawat. Bagi maksud garis panduan ini, peranti ialah alat yang direka cipta untuk melakukan tugas tertentu. Dalam bidang komputer, peranti biasanya berupa alat elektrik, elektronik atau elektromekanik.

- 3.2. Definisi operasi pelaksanaan dasar ini ialah:

- (a) peranti yang dibenarkan dibawa oleh murid ialah komputer riba (*laptop*), tablet *personal computer* atau peranti lain yang dibenarkan oleh pihak sekolah **kecuali telefon bimbit termasuk telefon pintar**;

- (b) peranti yang dilengkapi dengan pelan data internet juga dibenarkan; dan
- (c) peranti yang dibawa ke sekolah didaftarkan sebagai milik peribadi murid yang disediakan oleh ibu bapa/penjaga atau pihak lain secara sah.

4.0 PENYATAAN DASAR

- 4.1. Pernyataan dasar ini adalah seperti yang berikut:

"Dasar Murid Membawa Peranti Peribadi ke Sekolah adalah untuk membenarkan murid membawa peranti peribadi ke sekolah agar dapat membantu pembelajaran murid yang lebih interaktif, berkesan dan menarik minat murid bagi meningkatkan keberhasilan pembelajaran."

5.0 MATLAMAT

- 5.1. Dasar Murid Membawa Peranti Peribadi ke Sekolah adalah untuk membenarkan murid membawa peranti peribadi ke sekolah bagi tujuan pembelajaran dan aktiviti lain yang menyokong pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum di sekolah.

6.0 OBJEKTIF

- 6.1. Dasar Murid Membawa Peranti Peribadi ke Sekolah dilaksanakan agar dapat:
 - (a) meningkatkan keberhasilan pembelajaran murid melalui penggunaan peranti berasaskan pembelajaran abad ke-21 dan e-pembelajaran;
 - (b) membantu menyokong keberhasilan aspirasi murid dalam PPPM 2013 - 2025; dan
 - (c) membantu menyokong keberhasilan bagi meningkatkan kreativiti dan inovasi dalam pembelajaran dan aras pemikiran murid.

7.0 JENIS PERANTI

- 7.1. Peranti yang dibenarkan untuk dibawa serta ditentukan oleh pihak sekolah adalah seperti yang berikut:
- (a) komputer riba;
 - (b) tablet *personal computer* (tablet *android*, tablet *IOS* dll.);
 - (c) peranti audio (*iPod*, *multiplayer* dsb.); atau
 - (d) peranti ciptaan baharu lain yang menyamai fungsi komputer riba.
- 7.2. Sekiranya terdapat keluaran peranti baharu masa hadapan, kepimpinan sekolah boleh berbincang dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi menentukan sama ada peranti tersebut boleh dibawa ke sekolah atau tidak.

8.0 PEMILIKAN PERANTI

- 8.1. Peranti boleh dimiliki daripada sumber berikut:
- (a) ibu bapa atau penjaga, adik-beradik, ahli keluarga terdekat atau melalui tabungan murid sendiri;
 - (b) sumbangan PIBG atau sekolah; atau
 - (c) sumbangan mana-mana agensi / badan / persatuan / individu.

9.0 SOKONGAN IBU BAPA/PENJAGA

- 9.1. Kepimpinan sekolah hendaklah berbincang dengan PIBG untuk mendapatkan sokongan ibu bapa/penjaga bagi menggalakkan:
- (a) anak di bawah tanggungan membawa peranti;
 - (b) penyediaan pelan data internet;
 - (c) penyediaan loker atau tempat simpanan peranti; atau
 - (d) penyediaan keperluan lain yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar ini.

11.6. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) hendaklah:

- (a) memberi kerjasama dan membantu pihak sekolah bagi melaksanakan Dasar Murid Membawa Peranti Peribadi ke Sekolah;
- (b) membantu pihak sekolah menyebarluaskan kepentingan dan kebaikan pelaksanaan dasar bagi mencapai matlamat dan objektif dasar kepada semua ibu bapa/penjaga; dan
- (c) menyokong dan membantu pihak sekolah bagi menyediakan kemudahan berkaitan dengan penggunaan peranti.

12.0 TATACARA PENDAFTARAN PERANTI

- 12.1. Murid dikehendaki mengisi dan melengkapkan borang pendaftaran peranti dan aku janji yang diperakukan oleh ibu bapa/penjaga (**Lampiran A**).
- 12.2. Borang pendaftaran peranti dan aku janji yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan kepada pihak sekolah untuk direkodkan.
- 12.3. Pihak sekolah hendaklah mengeluarkan slip perakuan kebenaran membawa peranti (**Lampiran A**) kepada murid setelah perkara 12.1 dipatuhi.
- 12.4. Murid perlu memperbaharui pendaftaran peranti dan aku janji sekiranya berlaku perubahan peranti yang dibawa ke sekolah.
- 12.5. Pihak sekolah berhak membuat pemeriksaan ke atas peranti secara berkala pada bila-bila masa mengikut keperluan.

13.0 TATACARA PENGURUSAN PERANTI YANG DIAMBIL

- 13.1. Pihak sekolah boleh mengambil dan menyimpan peranti daripada murid jika tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan. Pihak sekolah hendaklah sentiasa memastikan keselamatan peranti tersebut.

- 13.2. Semua peranti yang diambil hendaklah disimpan di tempat yang selamat. Peranti tersebut hendaklah direkod oleh pihak sekolah dan perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut:
- (a) tarikh, masa dan tempat alat peranti diambil;
 - (b) jenis alat peranti yang diambil;
 - (c) nama murid, nombor kad pengenalan dan tandatangan murid berkenaan; dan
 - (d) nama guru yang mengambil alat peranti tersebut.
- 13.3. Ibu bapa/penjaga boleh menuntut kembali peranti yang diambil dan disimpan oleh pihak sekolah dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.
- 13.4. Pihak sekolah hendaklah mencatatkan nama ibu bapa/penjaga, nombor kad pengenalan, tarikh, masa dan tandatangan ketika ibu bapa/penjaga mengambil semula peranti anak mereka.
- 13.5. Pihak ibu bapa/penjaga tidak boleh menuntut ganti rugi atas kerugian akibat tidak dapat menggunakan peranti tersebut sepanjang tempoh peranti diambil dan disimpan oleh pihak sekolah.
- 13.6. Ibu bapa/penjaga yang tidak boleh hadir ke sekolah dalam tempoh tujuh (7) hari, boleh mengemukakan surat kepada pihak sekolah untuk membenarkan anak mereka mengambil semula peranti kecuali bagi kes disiplin yang serius yang perlu diputuskan oleh Jawatankuasa Disiplin Sekolah.

14.0 TATACARA MEMBAWA DAN MENGGUNAKAN PERANTI

- 14.1. Murid hanya dibenarkan membawa peranti yang berdaftar dengan pihak sekolah sahaja.
- 14.2. Murid hendaklah mengecas penuh alat peranti mereka sebelum dibawa ke sekolah. Sekiranya terdapat keperluan untuk mengecasnya di sekolah,

murid hendaklah mendapatkan kebenaran daripada pihak sekolah terlebih dahulu.

- 14.3. Pihak sekolah dengan kerjasama PIBG hendaklah merancang kaedah terbaik bagi menyediakan kemudahan untuk mengecas peranti murid yang tinggal di asrama.
- 14.4. Waktu penggunaan peranti tertakluk kepada ketetapan yang dibuat oleh pihak sekolah.
- 14.5. Guru hendaklah memantau dan memastikan murid menggunakan peranti tersebut mengikut masa yang ditentukan.
- 14.6. Murid hendaklah sentiasa mematuhi Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan peraturan-peraturan di bawahnya, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan peraturan-peraturan di bawahnya, etika, surat pekeliling serta peraturan berkaitan penggunaan peranti yang sedang berkuat kuasa.

15.0 KESELAMATAN PERANTI

- 15.1. Murid hendaklah bertanggungjawab bagi memastikan keselamatan peranti pada setiap masa.
- 15.2. Sekiranya berlaku kehilangan peranti, murid dikehendaki melaporkannya kepada pihak sekolah untuk tindakan lanjut.

16.0 KEROSAKAN DAN PENYENGGARAAN PERANTI

- 16.1. Murid dan ibu bapa/penjaga hendaklah bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan, kerugian, kehilangan atau gangguan perkhidmatan ke atas sistem lain di sekolah yang disebabkan oleh peranti mereka.
- 16.2. Pihak sekolah tidak bertanggungjawab terhadap:
 - (a) sebarang kerosakan ke atas peranti dan perisian peranti murid; dan

- (b) kehilangan, keselamatan, integriti maklumat atau data yang terkandung dalam peranti murid

yang disebabkan oleh berlakunya perkara di luar jangkaan, kesilapan teknikal atau mekanikal ketika penggunaannya di sekolah mahupun di luar sekolah.

- 16.3. Pihak sekolah berhak melarang penggunaan mana-mana peranti yang didapati boleh mengganggu mana-mana sistem sedia ada di sekolah.

17.0 PEMATUHAN

- 17.1. Semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan Dasar Murid Membawa Peranti Peribadi ke Sekolah hendaklah mematuhi garis panduan ini dan adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan peraturan-peraturan di bawahnya, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan peraturan-peraturan di bawahnya, etika, surat pekeliling serta tatacara berkaitan penggunaan peranti yang sedang berkuat kuasa.

18.0 PENUTUP

- 18.1. Pelaksanaan Dasar Murid Membawa Peranti Peribadi ke Sekolah selaras dengan Anjakan 7: Memanfaatkan ICT bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia di bawah PPPM 2013 - 2025. Langkah ini bertujuan untuk memastikan pembelajaran murid yang lebih berkesan berdasarkan e-pembelajaran agar dapat merangsang pemikiran kreatif dan inovatif dalam persekitaran pembelajaran interaktif.

**LAMPIRAN A**

--	--	--	--	--

No. Fail

BORANG PENDAFTARAN DAN AKU JANJI PERANTI**BAHAGIAN A: Pendaftaran Peranti***(Hendaklah diisi oleh pemohon)*

Nama : Tingkatan : No. K.P. :	Jenis Peranti : Komputer riba/Tablet/iPod/MP Jenama : No. Siri :
-------------------------------------	------------------------------------------------------------------------

BAHAGIAN B: Aku Janji Peranti*(Hendaklah diisi oleh pemohon)*

Saya.....No.Kad Pengenalan..... dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Murid Membawa Peranti Peribadi ke Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Maka dengan itu saya berjanji, sebagaimana yang terkandung dalam Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Murid Membawa Peranti Peribadi ke Sekolah, bahawa saya:

- i. akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan peranti peribadi yang dibawa ke sekolah;
- ii. tidak menuntut sebarang ganti rugi daripada pihak sekolah atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku terhadap mana-mana peranti termasuk aksesori atau kandungannya;
- iii. tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama sekolah melalui penggunaan peranti peribadi;
- iv. akan memastikan peranti peribadi yang dibawa telah disebat daripada mengakses laman sesawang yang berunsur negatif (lucah, judi, alkohol, rokok, subversif dsb.);
- v. akan sentiasa mematuhi Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan peraturan-peraturan di bawahnya, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan peraturan-peraturan di bawahnya, etika, surat pekelliling dan tatacara berkaitan penggunaan peranti yang sedang berkuat kuasa; dan
- vi. akan sentiasa akur dan patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia dari semasa ke semasa berhubung dengan dasar Murid Membawa Peranti Peribadi ke Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar Aku Janji ini, saya boleh dikenakan tindakan yang sewajarnya.

Diperakukan oleh:

Disahkan oleh:

(Tandatangan murid)

Tarikh:

(Tandatangan ibu bapa/penjaga)

Nama :
No. K.P.:
Tarikh:

Cap Rasmi Sekolah

Tarikh:

BAHAGIAN C: Slip Perakuan Kebenaran Membawa Peranti
(Hendaklah diisi oleh pemohon)

--	--	--	--	--

No. Fail

Nama : Tingkatan : No. K.P. :	Jenis Peranti : Komputer riba/Tablet/iPod/MP Jenama : No. Siri :
-------------------------------------	------------------------------------------------------------------------

*Dengan ini diperakukan bahawa kebenaran membawa peranti diluluskan/tidak diluluskan.

Nama guru/penyelaras :

Tarikh :

Cap Rasmi Sekolah

*Permohonan akan diperlimbang dan diputuskan oleh pihak sekolah

(Slip Kebenaran Membawa Peranti hendaklah disimpan sebagai bukti pendaftaran dan kegunaan pada masa hadapan)